

Bagaimanakah Cukai Syarikat Ditaksir?

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai langsung negara di bawah akta yang berkuat kuasa seperti Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, Akta Setem 1949 dan Akta Petroleum 1967.

Objektif HASiL dalam mentadbir cukai langsung adalah dengan melaksanakan sistem percukaian yang berkesan, adil dan saksama di samping menggalakkan budaya pematuhan sukarela dalam kalangan pembayar cukai khususnya dan orang awam umumnya.

Cukai syarikat (turut dikenali sebagai cukai korporat) ialah cukai yang tertakluk di bawah peruntukan ACP 1967 dan dikenakan ke atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperoleh pendapatan di Malaysia dan dari luar Malaysia (bagi syarikat insurans, pengangkutan laut dan udara dan perbankan sahaja). Menurut peruntukan Seksyen 75 ACP 1967, orang yang bertanggungjawab ke atas syarikat ialah:

- Pengarah syarikat;
- Setiausaha syarikat;
- Pengurus atau pegawai utama; dan
- Sesiapa sahaja yang menjalankan mana-mana fungsi di atas.

Jenis Pendapatan yang Perlu Dimasukkan dalam Pengiraan Cukai Syarikat

Pendapatan kasar bagi sesuatu tempoh asas adalah termasuk semua pendapatan yang boleh diterima untuk suatu punca bagi tempoh tersebut. Bagi sesebuah syarikat, penerimaan yang berikut perlu diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan merangkumi:

- Subseksyen 22(2) ACP 1967:
 - Jualan: barangan atau jualan tunai atau kredit, pemulihan hutang lapuk;
 - Perolehan insurans, tanggung rugi, rekupmen (recoupment), ganti rugi;
 - Ganjaran atau pampasan atas kehilangan pendapatan daripada punca pendapatan; dan
 - Pendapatan faedah (bagi sektor bank sahaja).
- Seksyen 24 ACP 1967:
 - Hutang yang terbit daripada stok dagangan atau perkhidmatan;
 - Ambilan stok dagangan;
 - Pendapatan terbit daripada stok dagangan berupa stok, syer, debentur, gadai janji atau bentuk pelaburan lain;
 - Peruntukan khusus berhubung dengan pinjaman dan pendahuluan kepada pengarah (seksyen 140B); dan
 - Pendapatan eksport.

Penaksiran dan Pengiraan Cukai Syarikat

Penentuan jumlah sebenar cukai pendapatan syarikat mempunyai beberapa peringkat yang perlu diperhalusi dan dilihat dengan teliti. Secara asasnya, pengiraan cukai syarikat perlu mengambil kira perkara yang berikut:

- Pendapatan Larasan Syarikat
Pendapatan lasaran syarikat merupakan hasil daripada keuntungan atau kerugian bersih seperti yang tercatat dalam penyata kewangan syarikat yang telah dilaraskan. Terdapat dua perkara penting yang perlu diberikan perhatian, iaitu:

(i) Perbelanjaan dibenarkan

Perbelanjaan ini dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan kasar. Perbelanjaan ini merupakan suatu amaun yang dibelanjakan secara keseluruhannya semata-mata dalam penghasilan pendapatan kasar tersebut.

Sebagai contoh, perbelanjaan yang dibenarkan ialah gaji dan upah pekerja, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sewa premis perniagaan, insurans kebakaran atau kecurian dan faedah atas pinjaman bagi tujuan perniagaan.

(ii) Perbelanjaan tidak dibenarkan

Perbelanjaan ini adalah tidak dibenarkan untuk ditolak atau dihadkan amaun tolakannya daripada pendapatan kasar.

Sebagai contoh, perbelanjaan yang tidak dibenarkan ialah belanja persendirian dan domestik, belanja modal, belanja permulaan, hutang lapuk dan susut nilai.

Selain itu, perbelanjaan yang berikut juga boleh diambil kira dalam pengiraan pendapatan larasan sekiranya berkaitan, iaitu perbelanjaan tertentu yang diberikan potongan dua kali, perbelanjaan khusus yang dibenarkan di bawah subseksyen 34(6) ACP 1967 dan elaun modal.

(b) Pendapatan Berkanun

Pendapatan berkanun ialah hasil daripada pendapatan larasan setelah tolakan elaun modal.

(c) Pendapatan agregat dan jumlah pendapatan

Pendapatan agregat ialah jumlah pendapatan syarikat atau jumlah kesemua pendapatan berkanun syarikat yang disatukan sekiranya syarikat tersebut mempunyai pelbagai perniagaan. Jumlah itu akan diselaraskan sekiranya terdapat perkara yang melibatkan pendapatan agregat, antaranya:

- (i) Kerugian perniagaan tahun semasa;
- (ii) Perbelanjaan projek pertanian yang diluluskan; dan
- (iii) Derma dan sumbangan yang diluluskan.

Setelah kesemua pelarasan dibuat, pendapatan yang terhasil ialah pendapatan boleh dikenakan cukai dan jumlah cukai syarikat akan diperolehi. Kadar cukai adalah tertakluk kepada dua kategori, iaitu:

- (a) Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta: cukai sebanyak 15 peratus hingga 24 peratus; dan
- (b) Syarikat selain daripada kategori di atas: cukai sebanyak 24 peratus.

Tanggungjawab Syarikat

Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan segala pelaporan cukai yang dibuat adalah betul dan teratur secara e-Filing. Segala rekod dan dokumen berkaitan perniagaan juga perlu disimpan selama tujuh tahun bagi keperluan audit. Pelaksanaan e-Invois bermula pada 1 Ogos 2024 dilihat sebagai kaedah efektif yang mampu mengurangkan bebanan syarikat membuat penyimpanan rekod perniagaan kerana segala proses melibatkan pengeluaran resit kepada pembeli atau pembelian daripada pembekal akan berjalan secara digital.

Syarikat juga perlu melaporkan sebarang perubahan maklumat kepada HASIL termasuklah maklumat perhubungan asas seperti alamat surat-menyurat dan premis perniagaan, nombor telefon, pertukaran nama syarikat dan maklumat ejen cukai jika berkaitan. Kegagalan syarikat melaksanakan tanggungjawab tersebut akan mengakibatkan sabitan kesalahan seperti yang berikut:

- (a) Kesalahan jenayah bagi kegagalan menghantar dan melaporkan pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan, serta kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya dalam Borang Nyata; dan
- (b) Kesalahan sivil bagi kegagalan membayar cukai pendapatan dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklumat lanjut berhubung cukai syarikat boleh dirujuk dalam portal rasmi HASIL melalui pautan www.hasil.gov.my.